



26 MAY, 2025
Kerajaan galak PBT pasang Solar PV alih tenaga bersih



Sinar Harian, Malaysia

Kerajaan buka adaptasi guna sistem Solar PV



Fadillah (dua dari kiri) melihat Sistem Solar PV di bumbung ruang tempat letak kenderaan di Menara MBKT ketika mengadakan lawatan kerja Program PETRA Skwad Zon Timur ke Kelantan dan Terengganu pada Ahad.

FOTO: BERNAMA

KUALA TERENGGANU - Kerajaan membuka ruang kepada semua pihak khususnya pihak berkuasa tempatan (PBT), dalam mengadaptasi penggunaan sistem Solar Fotovoltaiik (Solar PV) dalam usaha peralihan kepada tenaga bersih.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, menerusi pemasangan sistem Solar PV di premis masing-masing, ia dapat menjimatkan elektrik sekali gus menjana tenaga baharu serta mengurangkan pelepasan karbon di udara.

Fadillah yang juga Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) berkata, usaha berkenaan dapat dilihat menerusi inisiatif dilaksanakan Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT) dengan pemasangan sistem Solar PV di tempat letak kenderaan serta bumbung di Menara MBKT.

"Sistem Solar PV di MBKT ini ada-

lah yang terbesar dipasang di bangunan milik pihak berkuasa tempatan, melalui program Net Energy Metering (NEM 3.0) di bawah kategori NEM GoMEN yang diluluskan Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) Malaysia, pada 16 Disember 2021.

"Ia telah beroperasi bermula pada 2 Jan 2024 dan pemasangan ini dianggarkan dapat menjana sebanyak 1,147 MWj (megawatt-jam) bekalan elektrik hijau setahun dengan anggaran penjimatan bil elektrik lebih RM200,000 setahun," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas meninjau pemasangan sistem Solar PV di Menara MBKT pada Ahad sempena Jelajah PETRA Skwad Zon Timur yang berlangsung selama dua hari bermula Sabtu di Kelantan.

Katanya lagi, Jelajah PETRA Skwad diteruskan ke Loji Solar Berskala Besar

(LSS) Coara Marang untuk meninjau secara langsung pengoperasiannya, yang dilaksanakan di bawah inisiatif kerajaan melalui program LSS3.

"Kapasiti tenaga yang dijana daripada loji ini dianggarkan mencukupi untuk membekalkan elektrik kepada lebih 10,000 isi rumah setiap hari dan ia antara loji solar termaju dari segi teknologi dan kecekapan.

"Selain membantu mengurangkan pelepasan karbon, projek LSS Coara Marang ini juga menjadi model bagi reka bentuk loji solar tahan bencana, yang sesuai untuk dibangunkan di kawasan berisiko banjir," katanya.

Beliau berkata, pembangunan loji jana kuasa berkenaan melibatkan pelaburan RM21 juta merangkumi pemasangan dua enjin biogas, dengan jumlah kapasiti keseluruhan sebanyak 2.404 megawatt (MW) dengan menggunakan biogas dari sumber sisa effluen kilang sawit. - *Bernama*